

Nama &
Kelas:

Baca petikan di bawah dan kesan 4 jenis pola ayat dan salin di ruangan yang disediakan.

POLA FN + FN	
POLA FN + FK	
POLA FN + FA	
POLA FN + FSN	



Waspada Sebelum Rugi

Kad Mesin Juruwang Automatik atau kad ATM ialah kad yang digunakan oleh pengguna untuk mengeluarkan wang atau memindahkan sejumlah

wang ke dalam akaun pada bila-bila masa. Pengguna hanya perlu memasukkan nombor pengenalan peribadi atau nombor PIN apabila mahu membuat transaksi kewangan. Kad ATM dapat mewujudkan akses terhadap akaun penggunanya. Oleh itu, pengguna perlu mengambil beberapa langkah agar wang tidak dicuri.

Sebagai pengguna, kita perlulah memastikan kad disimpan di tempat yang selamat. Pengguna sepatutnya menyimpan kad di tempat yang sama dan tidak mudah dilihat oleh orang lain. Langkah ini perlu diambil supaya jika kad hilang atau dicuri, pengguna dapat menyedari kehilangan kad dengan cepat. Kad yang hilang perlu dilaporkan dengan segera kepada pihak bank.

Selain itu, pengguna kad ATM juga perlu menghafal nombor PIN yang diterima daripada institusi perbankan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna perlu menjaga kerahsiaan nombor PIN daripada orang lain. Pengguna juga tidak sepatutnya menggunakan maklumat diri seperti tarikh lahir sebagai nombor PIN dan tidak menyimpan nombor PIN bersama-sama dengan kad ATM.

Seterusnya, pengguna perlu mengelak daripada mendedahkan maklumat perbankan kepada pihak yang tidak dikenali. Hal ini berlaku kerana terdapat pihak yang memperdaya pengguna dengan menawarkan skim-skim yang menarik. Oleh itu, sikap berhati-hati dapat mengelakkan pengguna daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian.



Di samping itu, pengguna perlu meneliti slip transaksi. Pengguna juga perlu memaklumkan pertukaran alamat dan nombor telefon kepada pihak bank. Perkara tersebut perlu kerana sebarang maklumat daripada pihak bank akan terus sampai kepada pengguna. Dengan cara ini, maklumat diri pengguna terpelihara.

Kesimpulannya, semua pengguna kad ATM perlu sentiasa berwaspada dan menjaga kad masing-masing dengan baik. Sebarang kecuai akan mengundang padah.